

**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA BANDAR SELAMAT,
'LOCAL AGENDA 21' DAN PEMBANGUNAN MAMPAN
MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
BIL.2/2017**

Tarikh : **18 Julai 2017 (Selasa)**

Masa : **9.30 pagi – 12.30 tengahari**

Tempat : **Bilik Mesyuarat Semarak, Tingkat 4,
Majlis Perbandaran Sepang
Cyberjaya, Selangor**

KEHADIRAN

1. Dato' Puasa bin Md. Taib, - Pengerusi
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Sepang;
2. Puan Rogayah Binti Kadari
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)
3. Puan Suhana Binti Shamsuddin
Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA)
4. Encik Tong Jeng Harnng
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Sepang Putra;
5. Encik Titus Gladwyn a/l Gomez
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon BBST Selatan;
6. Encik Kong Tuck Wah
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Desa Putra;
7. Encik Radzali bin Kasim,
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang /
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Sungai Merab;
8. Encik Gun Chee Hui
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang/
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Kota Warisan;
9. Encik Mohamad Jamalulail bin Hamzah
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang/
Pengerusi Jawatankuasa Perunding Penduduk (JPP) Zon Labu;

10. Encik Mohammad Fakri Bin Mansor
Jabatan Keselamatan Jalan Raya Negeri Selangor ;
11. SJN Azrul bin Baharuddin
IPD Sepang
12. KPL Rosmawati Binti Abdul Ghani
IPD Sepang
13. Puan Norshimahwati Binti Mustafar
Jabatan Kebajikan Daerah Sepang;
14. Encik Steve Anthony Lojuntin
Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA)
15. Encik Norizal Khushairi
Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA)
16. Encik Zulkifli bin Ibrahim
Jabatan Imigresen Negeri Selangor
17. Puan Norshimahwati binti Mustafa
Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Sepang
18. Puan Latifah binti Marlan
Pejabat Kesihatan Daerah Sepang
19. Encik Mohd. Halim bin Shahri
Pejabat Pendidikan Daerah Sepang
20. Encik Mohd. Shohad bin Muzakir
Pejabat Agama Islam Daerah Sepang
21. Puan Siti Ashliza binti Che Mat Razali
AADK Daerah Sepang
22. Puan Nurulain binti Mat Ismail
Geoinfo Services Sdn Bhd

TURUT HADIR

23. Puan Rozeta binti Md. Yusuf
Jabatan Perancangan Bandar,
Majlis Perbandaran Sepang
24. Tuan Hj. Ahmad Saifunazif bin Mat Yatim,
Jabatan Kejuruteraan,
Majlis Perbandaran Sepang

25. Puan Norhazirah binti Mat Desa
Unit Perundangan
Majlis Perbandaran Sepang
26. Encik Shaiful Amar bin Mujahid,
Jabatan Landskap,
Majlis Perbandaran Sepang
27. Puan Izzaty Arina binti Mohd. Shabarudin
Jabatan Bangunan,
Majlis Perbandaran Sepang
28. Puan Zelda Binti Mohd Zamri,
Jabatan Pembangunan Masyarakat,
Majlis Perbandaran Sepang;
29. Encik Mohd. Azran bin Musa
Jabatan Penguatkuasaan
Majlis Perbandaran Sepang
30. Puan Afra'fardillah binti Zaimustapar
Unit Korporat dan Perhubungan Awa,m
Majlis Perbandaran Sepang
31. En. Khuzaini bin Hamidon
Jabatan Kesihatan dan Persekitaran,
Majlis Perbandaran Sepang
32. Encik Arif bin Ismail,
Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja,
Majlis Perbandaran Sepang
33. Puan Nur Azlina binti Afrizil
Jabatan Perlesenan dan Pengurusan Penjaja
Majlis Perbandaran Sepang
34. Encil Fahmy Bin Tumut,
Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
Majlis Perbandaran Sepang
35. Puan Rosziana binti Basin
Unit Teknologi Maklumat
Majlis Perbandaran Sepang
36. Puan Nurhidayati binti Dahlan
Unit Tender Dan Kontrak,
Majlis Perbandaran Sepang

37. Puan Asmahan binti Abdullah
Unit Pusat Setempat,
Majlis Perbandaran Sepang
38. Puan Hasnidar binti Ali
Unit Perkhidmatan Bandar
Majlis Perbandaran Sepang
39. Encik Mohamad Shahidan bin Hashim
Unit Pesuruhjaya Bangunan
Majlis Perbandaran Sepang

URUSETIA

40. Nurul Huda binti Zainal Abidin - Setiausaha
Jabatan Perancangan Bandar,
Majlis Perbandaran Sepang;
41. Cik Nur Farhana binti Mohd Nor
Jabatan Perancangan Bandar,
Majlis Perbandaran Sepang

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

42. Puan Suziana binti Musa
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
43. Encik Thiban A/L Subramaniam
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Sepang
44. Pejabat Daerah dan Tanah Sepang
45. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor
46. Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Selangor
47. Jabatan Kerja Raya Daerah Sepang
48. Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Sepang
49. Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional Daerah Sepang
50. Jabatan Belia & Sukan Daerah Sepang
51. Pejabat Pembangunan Negeri Selangor
52. Malaysian Green Technology Corporation

1.0 UCAPAN ALU-ALUAN PENGERUSI

Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sepang selaku pengerusi mesyuarat mengucapkan selamat sejahtera dan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Dato' Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat ini merupakan mesyuarat kali kedua (2) bagi Jawatankuasa Bandar Selamat, Local Agenda 21 dan Pembangunan Mampan, Majlis Perbandaran Sepang.

Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) mengambil inisiatif dalam menyelaraskan pembangunan hijau di dalam setiap pembangunan di Cyberjaya. Pihak Majlis juga telah melantik pihak Perunding daripada APUDG dengan kerjasama Low Carbon Cities & Sustainable Centre, Malaysian Institute of Planners (LCCSC, MIP) bagi menyediakan Kajian Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Rendah Karbon Cyberjaya 2025. (Cyberjaya : Smart & Low Carbon City Blueprint 2025). Kajian ini telah pun memasuki fasa akhir dan dijangkakan siap sepenuhnya pada penghujung Ogos 2017. YBhg Dato' berharap supaya pihak KeTTHA dapat menyokong usaha MPSepang khususnya semasa penyediaan Pelan Tindakan. YBhg Dato' Pengerusi berhasrat memperluaskan Pelan Tindakan ini ke kawasan pembangunan atau perbandaran baru yang lain di Daerah Sepang supaya mengambilkira elemen 'Smart' dan 'Low Carbon City'.

YBhg Dato' Pengerusi juga mengulas berhubung isu-isu keselamatan penduduk yang sering dibangkitkan. Pihak Majlis akan mengemukakan permohonan peruntukan kepada pihak Kementerian bagi mengadakan lebih banyak kemudahan dan program walaupun pada masa ini peruntukan daripada Kementerian agak kurang berbanding tahun-tahun sebelum ini.

YBhg Dato' juga menekankan tentang kerjasama semua pihak khususnya yang berkaitan dengan 'Guarded Community' yang kini menjadikan keutamaan oleh Persatuan Penduduk dan sebagai supaya dapat mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan. Dato' Pengerusi juga memohon kerjasama semua pihak khususnya agensi-agensi yang terlibat di dalam Jawatankuasa ini berperanan mengikut fungsi jabatan masing-masing.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL.1/2017

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Bandar Selamat dan Local Agenda 21, Majlis Perbandaran Sepang Bil.1/2017 disahkan tanpa pindaan.

3.0 PERKARA BERBANGKIT

3.1 Cadangan Pelaksanaan 'Bike Share'

Dato' Pengerusi mencadangkan supaya dua (2) syarikat telah mengemukakan pembentangan yang lepas iaitu semasa Mesyuarat Penyelaras Pembangunan Cyberjaya iaitu syarikat daripada Obike (M) Sdn Bhd dan syarikat Cycledios Sdn Bhd diselaraskan.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kejuruteraan, MPSepang

3.2 Cadangan Operasi Bersepadu Terhadap Warga Asing Ke Daerah Sepang Atas Kesalahan Yang Dilakukan Samaada Tinggal Melebihi Tempoh Masa Atau Salah Guna Visa Pelajar Bersama Jabatan Imigresen Negeri Selangor.

Cadangan operasi bersepadu ini telah pun dijalankan dimana seramai 102 pendatang asing telah ditangkap. Jabatan Imigresen mohon diteruskan operasi ini dibantu oleh Majlis Perbandaran Sepang dan disertai oleh agensi-agensi lain seperti PDRM @ IPD Sepang, JAIS, JPJ, AADK, Pejabat Kesihatan Daerah Sepang dan agensi lain yang sesuai.

Tindakan :

Jabatan Imigresen, Jabatan Penguatkuasaan &
Semua Jabatan / Agensi Peringkat Daerah, Negeri & Persekutuan

3.4 Cadangan Penyediaan Laluan Basikal (Road Marking) Fasa 2 di Cyberjaya di bawah Program Bandar Selamat, Majlis Perbandaran Sepang

Cadangan ini telah siap sepenuhnya pada Januari 2017 dan akan diteruskan dengan Fasa 3. Walaubagaimanapun, cadangan Fasa 3 akan diteliti secara terperinci kerana terdapat sebahagian jalan-jalan yang dicadangkan masih belum diserahkan kepada pihak Majlis dan masih di bawah kawalan pihak Pemaju (Setia Haruman Sdn Bhd).

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kejuruteraan, MPSepang

3.6 Cadangan Usahasama MPSepang dan SEDA Malaysia Bagi Program Low Carbon Building. Pilot Projek Cyberjaya (Online Energy Monitoring System)

Pihak ICT memaklumkan bahawa Bilik MSB tersebut kekurangan 'point' yang tiada sekatan dan pihak ICT dalam proses untuk menangani perkara tersebut.

Tindakan :

SEDA Malaysia
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang
Unit Teknologi Maklumat, MPSepang

3.5 Cadangan Penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar dan Rendah Karbon Cyberjaya 2025' (Cyberjaya : Smart & Low Carbon City 2025' Untuk Majlis Perbandaran Sepang.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa siri kedua (2) bengkel akan diadakan pada awal Ogos 2017 dan laporan akhir akan dikemukakan selewat-lewatnya pada penghujung Ogos 2017.

Input yang didapati dari Audit Tenaga Bangunan MPSepang akan dimasukkan di dalam 'Laporan Blueprint @ Pelan Pembangunan Perbandaran Pintar dan Rendah Karbon Bagi Cyberjaya'.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Semua Jabatan MPSepang
Jabatan / Agensi Persekutuan / Negeri, Stakeholder / Pemaju Cyberjaya

3.6 Cadangan Program usahasama MPSepang dan Greentech Malaysia (Green Data Centre dan Audit Green Energy Bangunan Majlis)

a) Projek Green Data Centre

Projek ini melibatkan pemasangan penebat di Bilik Server telah dilaksanakan dengan kerja-kerja pemasangan dan kos dibiayai sepenuhnya oleh Greentech Malaysia. Kerja ini dikawalselia oleh Unit Teknologi Maklumat bersama-sama Jabatan Perancangan Bandar.

Tindakan :

Unit Teknologi Maklumat, MPSepang
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang

b) Audit Tenaga Bangunan ibu pejabat MPSepang di Cyberjaya

Kerja ini dilaksanakan oleh pihak Greentech Malaysia. Kerja-kerja ini dikawalselia bersama oleh Jabatan Kawalan Bangunan, Jabatan Perancangan Bandar dan Jabatan Kejuruteraan serta Unit Teknologi Maklumat. Kerja-kerja Audit Tenaga bangunan MPSepang ini bermula pada Disember 2016 dan berakhir pada 15 Februari 2017. Audit Tenaga ini juga dipantau secara terus oleh pihak pakar daripada negara Jepun.

Laporan akhir Audit Tenaga telah dibentangkan pada Mac 2017 khususnya berkaitan dengan penemuan dan kaedah penyelesaian khususnya bagi mengurangkan penggunaan tenaga sehingga 30 peratus hingga 50 peratus.

Program susulan juga akan dijalankan bersama SEDA khususnya untuk membantu MPSepang dalam melaksanakan penjimatan elektrik.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang
Semua Jabatan MPSepang
SEDA Malaysia

3.7 Cadangan Latihan Kecekapan Tenaga 'Energy Efficiency' Bangunan Rendah Karbon dan Asas Pengurusan Tenaga Serta Kecekapan Tenaga Kepada Pengurusan dan Teknikal Majlis Perbandaran Sepang Secara Kolaborasi dengan SEDA Malaysia

SEDA memaklumkan akan membantu MPSepang dalam latihan tersebut.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang
Jabatan Khidmat Pengurusan, MPSepang
SEDA Malaysia

3.8 Pelaksanaan Dan Penglibatan Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) Dalam Green Technology Application For The Development Of Low Carbon Cities (GTALCC) Project

SEDA memaklumkan satu sesi perbincangan akan diadakan pada 2 Ogos 2017 mengenai GTALCC

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kawalan Bangunan, MPSepang
Jabatan Khidmat Pengurusan, MPSepang
SEDA Malaysia

3.9 Cadangan Pelaksanaan EPC (Energy Performance Contract) Bagi Pemasangan Lampu LED (Light Emitting Diode) Di Cyberjaya Di Bawah Inisiatif 'Smart & Low Carbon City', Majlis Perbandaran Sepang

Dato' Pengerusi maklumkan agar mengambilkira juga penggunaan lampu yang menggunakan tenaga solar kerana ia didapati berfungsi dengan baik serta kos yang agak kurang berbanding penggunaan lampu led ini kerana kos penyelenggaraan yang tinggi.

Tindakan :

Jabatan Kejuruteraan, MPSepang

3.10 Cadangan Pelaksanaan 'Food Waste Composting' Peringkat Majlis Perbandaran Sepang di bawah inisiatif 'Smart & Low Carbon City' MPSepang ; Pilot Projek : Belakang Kafeteria, MPSepang

Dato' Pengerusi secara dasarnya bersetuju terhadap pelaksanaan projek ini dan memaklumkan supaya projek ini berjaya dilaksanakan.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Landskap, MPSepang

3.11 Cadangan Penyediaan Tempat Letak Motosikal Berkunci dan Berbumbung Di Taman Mas, Daerah Sepang

Dato' Pengerusi memaklumkan bagi projek Bandar Selamat tahun 2018 boleh menggunakan wang dari caj pemajuan kerana ianya adalah untuk kegunaan projek

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Kejuruteraan, MPSepang

3.12 Cadangan Kebun Komuniti Bagi Tahun 2017

- **Kebun Komuniti Untuk Warga Majlis Perbandaran Sepang**
- **Kebun Komuniti di Ayer Hitam Permai**

Dato' Pengerusi mencadangkan supaya cadangan Program Kebun Komuniti ini memerlukan pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan kebun komuniti tersebut bagi mengelakkan pembaziran.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Jabatan Landskap, MPSepang

4.0 PERKARA YANG DI BINCANGKAN

4.1 KERTAS KERJA 1 : Kajian Indeks Kesejahteraan Oleh Universiti Islam Malaysia (UIM) Secara Kolaborasi Dengan Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang)

- Cadangan kajian kesejahteraan penduduk telah disampaikan oleh Ybhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Sulaiman bin Md. Yassin dari Universiti Islam Malaysia.
- Kajian ini dicadangkan untuk mengambilkira data-data sediaada yang telah dilaksanakan oleh MPSepang iaitu data-data daripada MURNInet MPSepang (Jaringan Petunjuk Bandar Mampan) yang diselaraskan oleh PlanMalaysia (JPBD Semenanjung Malaysia). Justeru itu, kajian ini dicadangkan secara kerjasama antara UIM dengan MPSepang.

Keputusan Mesyuarat :

- Mesyuarat secara dasarnya bersetuju terhadap cadangan kajian kesejahteraan bandar ini dan kajian ini akan diketuai oleh pihak UIM dan penyelarasan bagi kajian ini perlu dibuat daripada semasa ke semasa.
- Modus Operandi atau Metodologi Kajian ini akan dibincangkan lagi untuk memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Tindakan :

Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang

4.2 **KERTAS KERJA 2 : Cadangan Pelaksanaan ‘Smart Waste Management’ di Cyberjaya**

- Projek ini merupakan program di bawah MOSTI dan merupakan inisiatif dari ANGKASA.
- Projek ini merangkumi portal rasmi, pentadbir sistem, aplikasi web dan mobile.
- Modul web ini dibangunkan untuk membantu PBT menambahbaik proses pengurusan sisa pepejal dan kontraktor dengan lebih efektif.
- Sehingga kini terdapat 8 ‘smart sensor’ yang telah dipasang iaitu Cyber height Villa (6), Domain (1) dan Mutiara Ville (1). Namun sistem ini masih belum digunakan oleh MPSepang dan kontraktor.
- MPSepang telah dipilih sebagai Pilot Projek untuk Modul ‘Smart Waste’.

Keputusan Mesyuarat :

Mesyuarat bersetuju dengan cadangan ‘Smart Waste’ ini dengan syarat perlu menyelesaikan masalah berbangkit dan tanpa sebarang kos.

Tindakan :
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
Unit Perkhidmatan Bandar, MPSepang

4.3 **KERTAS KERJA 3 : Statistik Jenayah Kekerasan/Jalanan dan Jenayah Harta Benda Di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Sepang Bagi Tahun 2017 (Data sehingga Julai 2017)**

Pembentangan disampaikan oleh SJN Azrul bin Baharudin, IPD Sepang.

Keputusan Mesyuarat :

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan yang disampaikan oleh Tuan SJN Azrul dan bersetuju terhadap cadangan untuk mengadakan kolaborasi berterusan melalui ‘Policing Community’ yang akan dianjurkan oleh pihak MPSepang bersama pihak IPD Sepang.

Pihak Majlis juga mengambil maklum berhubung penurunan kadar kemalangan semasa hari perayaan yang lepas. Kerjasama antara JKJR (Jabatan Keselamatan Jalan Raya) dan pihak PDRM diharapkan dapat diteruskan bagi memastikan keselamatan bukan dari aspek jenayah sahaja tetapi daripada aspek keselamatan jalan raya.

Tindakan :
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang
IPD Sepang

4.4 **KERTAS KERJA 4 : Makluman Pembukaan Anjung Selera (berhampiran Masjid Raja Haji Fisabilillah) oleh Jawatankuasa Kerja LA21 (Ekonomi Mampan) Oleh : Pengarah, Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja**

Makluman pembukaan Anjung Selera di MPSepang untuk memudahkan jemaah yang datang Solat Jumaat di Masjid Raja Haji Fi Sabilillah dan untuk kemudahan kakitangan MPSepang tanpa perlu keluar jauh untuk mendapatkan makanan. Anjung Selera ini beroperasi pada setiap hari Jumaat bermula pada jam 11.00 pagi hingga 5.00 petang.

Keputusan Mesyuarat :

Mesyuarat mengambil maklum mengenai pembukaan Anjung Selera tersebut.

Tindakan :
Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja, MPSepang

4.5 **KERTAS KERJA 5 : Makluman Perancangan dan Pelaksanaan oleh Jawatankuasa Kerja LA21 (Alam Sekitar Mampan) Oleh : Pengarah, Jabatan Kesihatan dan Pengurusan Penjaja, MPSepang**

Pelaksanaan ABBF (Aedes Bio Based Fuel) dan Program KISMAT (Kitar Semula Minyak Masak Terpakai) secara berkala dan berterusan

Keputusan Mesyuarat :

Mesyuarat secara dasarnya mengambil maklum berhubung pelaksanaan ABBF dan KISMAT oleh Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

Tindakan :
Jabatan Kesihatan & Persekitaran, MPSepang
Jabatan Perancangan Bandar, MPSepang

5.1 **KERTAS KERJA 6 : Makluman Perancangan dan Pelaksanaan oleh Jawatankuasa Kerja LA21 (Alam Sekitar Mampan) Oleh : Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat**

- Pembentangan disampaikan oleh Puan Zelda Md Zamri, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat, MPSepang yang dilaksanakan sejak Mac 2017 hingga Jun 2017.
- Sebanyak 537 program telah dilaksanakan pada Mac 2017 hingga Jun 2017 yang melibatkan pelbagai kategori program.

Keputusan Mesyuarat :

Mesyuarat Mengambil maklum mengenai program-program yang telah dilaksanakan mengikut Jawatankuasa Perunding Penduduk bagi bulan Mac hingga Jun 2017.

Tindakan :
Jabatan Pembangunan Masyarakat, MPSepang

5.0 HAL-HAL LAIN

5.1 **Kereta Rosak Di Tepi Lebuhraya / Jalan Negeri**

JKJR memohon bantuan dari pihak MPSepang untuk membantu 'towing' kereta rosak yang ditinggalkan di tepi Jalan Negeri dan di simpan terlebih dahulu di depoh tunda MPSepang. Pihak Majlis secara dasar tiada halangan untuk menunda kereta-kereta tersebut dengan syarat mematuhi prosedur yang ditetapkan oleh pihak yang berkaitan.

Tindakan :
Jabatan Penguatkuasa, MPSepang

6.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Mesyuarat ditangguh pada jam 12.15 tengahari